

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH (BUKIT GELUGOR)**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

**TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada bilangan anggota polis di Balai Polis Bandar Baru Lebuhraya Thein Teik Ayer Itam akan dinaikkan memandangkan bilangan terkini adalah hanya 38 anggota yang berkhidmat untuk kawasan Bandar Baru Ayer Itam yang mempunyai jumlah penduduk lebih kurang 300,000 orang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih tiada perancangan untuk menambah perjawatan di Balai Polis Bandar Baru Lebuhraya Thein Teik Ayer Itam. Ini kerana, pengukuhan perjawatan hanya akan diutamakan ke atas 471 balai-balai polis yang mempunyai bilangan perjawatan kurang dari 15.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan mendesak dan justifikasi yang kukuh bagi penambahan perjawatan di Balai Polis Bandar Baru Lebuhraya Thein Teik Ayer Itam, satu kajian secara menyeluruh akan dilaksanakan oleh KDN melalui PDRM dengan menggunakan kaedah penempatan semula (*redeployment*) atau tukar ganti (*trade off*) bagi penambahan perjawatan di balai polis tersebut.